



# **MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**

## **TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**

## **SEMPENA**

**MAJLIS JAMUAN RAKYAT AIDILFITRI PULAU PINANG  
2018 DAN PROGRAM SYAWAL SENI @  
BUTTERWORTH ARTWALK**

## **TARIKH / MASA / TEMPAT**

**30 JUN 2018 (SABTU)  
8.00 MALAM**

**BUTTERWORTH ARTWALK  
LORONG BAGAN LUAR 1 DAN  
LORONG BAGAN LUAR 2**

*Disediakan oleh Jabatan Korporat dan Perhubungan Antarabangsa*

**Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis**

**Yang Berhormat Datuk Ir Haji Zakiyuddin bin Abdul Rahman**

Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang

**Yang Berhormat Tuan Yeoh Soon Hin**

Exco Pembangunan Pelancongan, Warisan, Kebudayaan dan Keseniaan

**Yang Dihormati Ahli Majlis - Ahli Majlis**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai - Pegawai**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Rakan - Rakan Media**

**Seluruh Penduduk Seberang Perai yang hadir**

**Tuan - Tuan Dan Puan - Puan Yang Dihormati Sekalian**

---

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat malam dan salam sejahtera.

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama pada hari ini di dalam Majlis Jamuan Rakyat Aidilfitri Pulau Pinang 2018 dan Program Syawal Seni@ Butterworth Artwalk.

Terlebih dahulu, saya, bagi pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai, ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Raya

Aidilfitri dan Maaf Zahir Batin kepada semua hadirin yang hadir yang beragama Islam. Sambutan Hari Raya Aidil Fitri merupakan satu wadah bagi memupuk sikap saling memahami dan bertolak ansur sesama kita dan memberi kesempatan kepada kita semua untuk saling bermaaf-maafan dan mengukuhkan hubungan silaturrahim yang sedia terjalin. Terima kasih juga kepada hadirin hadirat yang terdiri daripada kaum lain selain daripada kaum Melayu kerana sudi meraikan sambutan Aidilfitri ini bersama dan mengeratkan lagi hubungan sesama kaum.

Majlis ini dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama MPSP dan Penang Global Tourism serta disokong oleh Think City Sdn. Bhd., Zart Eventine dan My CO2 Sdn.Bhd. Program Syawal Seni @ Butterworth Artwalk telah bermula sejak jam 9.00 pagi lagi sehingga 6.45 petang di sekitar kawasan Pekan Lama Butterworth. Pelbagai program yang telah diadakan pada sebelah pagi dan petang. Antaranya ialah gotong-royong dodol & ketupat nasi oleh AJK Surau Istiqal, Pertandingan Mural dan Installation, agihan dodol dan ketupat nasi di Pentas Utama Lorong Bagan Luar 2, Peraduan Baju Sedondon Aidilfitri 2018, Sesi Penjurian "*Butterworth Open Art Competition 2018*", Persembahan Kebudayaan Khas Syawal Seni oleh para pelajar SMK Convent Butterworth dan cabutan bertuah Bonanza Raya.

Sebentar lagi, akan diadakan Majlis Penyampaian Hadiah bagi Pertandingan Mural terbuka 2018 di mana 16 peserta telah dipilih bagi dua (2) kategori iaitu Kategori Wall Mural dan Wall Installation yang akan membawa pulang hadiah seperti berikut:

<b>Kategori Hadiah</b>	<b>Kategori Wall Mural</b>	<b>Kategori <i>Wall Installation</i></b>
Johan	RM3000.00	RM3000.00
Naib Johan	RM2000.00	RM2000.00
Ketiga	RM1000.00	RM1000.00
Saguhati	7 x RM300.00	7 x RM300.00

Pertandingan Mural terbuka adalah program pengindahan Lorong sisi di antara Lorong Bagan Luar 1 dan 3, yang dikenali sebagai Butterworth Artwalk yang merupakan pengisian Program Butterworth Baharu yang selaras dengan Pelan Strategi Seberang Perai 2018-2022 bagi mewujudkan persekitaran yang cantik, menarik dan hijau. Projek ini dilaksanakan sebagai satu inisiatif untuk menghidupkan lorong-lorong bangunan yang tidak terjaga tetapi selamat dan strategik. Ini juga merupakan salah satu kaedah *education and awareness* melalui lukisan. Program ini juga terkandung dalam *Strategic Priorities 02 (SP02)* di bawah kemudahan dan infrastruktur yang berkualiti.

Butterworth Art Walk ini terbahagi kepada tiga (3) fasa yang mana kerja-kerja penghasilan lukisan mural diketuai oleh Encik Zaini Zainal merupakan seorang arkitek yang merupakan anak tempatan dan berasal daripada Butterworth. Projek ini turut dijayakan oleh Sembilan (9) orang pelukis. Konsep bagi setiap fasa projek ini diterjemahkan penceritaan mural seperti berikut:

- i. Fasa 1 : Mural Sejarah Asal dan Pertanian Sebagai Aktiviti Sosio Ekonomi Penduduk.
- ii. Fasa 2 : Berkonsepkan Perikanan dan Marine Life
- iii. Fasa 3 : Berkonsepkan Pulau Pinang sebagai hub pengangkutan, hub industri dan arca seni.

Ketiga-tiga fasa ini yang merangkumi jarak 400meter akan menghasilkan sebanyak 45 mural dan 10 arca. Pihak MPSP dengan kerjasama Think City disokong oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan “*Seberang Perai- Aspiring City Of Tomorrow*”.

Pada sebelah malamnya pula, kita raikan dengan Majlis Jamuan Rakyat Aidilfitri yang bermula 7.00 petang hingga 10.00 malam di Lorong Bagan Luar 1 dan Lorong Bagan Luar 2. Majlis jamuan ini menyediakan 24 booth makanan dan minuman secara percuma kepada semua tetamu yang

hadir. Tuan-tuan dan puan-puan dapat menikmati pelbagai juadah Hari Raya yang telah disediakan antaranya lemang, ketupat, rendang, kuih-muih, laksa dan bermacam-macam lagi.

Majlis Jamuan Aidilfitri dan Program Syawal Seni@ Butterworth Art Walk di adakan untuk komuniti Seberang Perai khususnya dalam berkongsi kemeriahan sambutan Hari Raya Aidilfitri Tahun 2018 disamping untuk mempromosikan Butterworth Art Walk sebagai salah satu produk pelancongan Seberang Perai. Program ini diadakan bagi menghidupkan semula kawasan Butterworth yang telah lama terpinggir sebelum ini. Saya berasa bangga dengan adanya program seperti ini, secara tidak langsung ianya telah menarik semula pelancong dan penduduk tempatan ke kawasan ini.

Untuk makluman semua, pada tahun ini MPSP akan meneruskan penganjuran Butterworth Fringe Festival (BFF) bagi tahun yang keempat. Festival ini dijangka akan diadakan pada Disember 2018. Saya mengharapkan agar BFF kali ini kan mendapat sambutan yang lebih meriah memandangkan penganjurannya dibuat pada musim cuti sekolah. Sudah tentu ramai pelancong daripada dalam dan luar negeri akan bersama-sama dengan kita dalam menjayakan program ini.

Akhir kata, terima kasih kepada semua yang telah menyokong semua usaha yang telah dibuat oleh MPSP selama ini dan menyeru penglibatan seluruh warga Seberang Perai untuk menyokong inisiatif-inisiatif yang direncanakan oleh MPSP ke arah pembentukan sebuah Bandaraya Rendah Karbon di Seberang Perai menjelang tahun 2022. Marilah sama-sama kita usahakan agar Seberang Perai akan menjadi destinasi pelancongan yang terkenal satu hari nanti.

***Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.***

**Terima kasih.**